

HAWA CONVENTION 2020 ATAS TALIAN MENDAPAT SAMBUTAN HANGAT

Oleh: khairul Nasihah Abdul Mua'thi, 1180400

FACEBOOK LIVE, 2 Disember 2020 – Program Hawa convention secara atas talian yang berlangsung selama tiga minggu bermula 7 November 2020 sehingga 22 November 2020 mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada masyarakat khususnya mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Puteri Nor'Ain Nasuha Muhamad, 22, yang merupakan setiausaha program Hawa Convention merangkap Mantan Timbalan Bendahari Kehormat Majlis Perwakilan pelajar bagi sesi 2019/2020 berkata, program itu dilaksanakan secara atas talian disebabkan kekangan pandemik covid- 19 menerusi platform Instagram, dan Facebook sebagai medium utama untuk melaksanakan program yang berlangsung selama sebulan itu.



Turut memeriahkan pelbagai pengisian yang menarik dikalangan beberapa penampilan khas oleh selebriti dan Alumni USIM

Dengan bertemakan “Beauty With Brain”. Program itu dijalankan bagi mempersiapkan golongan wanita dalam menghadapi cabaran yang mendatang dengan menyentuh daripada aspek kekeluargaan, kepimpinan, penjagaan emosi dan berperanan secara efektif sebagai pembina masyarakat.

Pelbagai pengisian menarik antaranya slot wawancara yang terdiri daripada tujuh slot beserta dengan cabutan bertuah.

Antara slot itu ialah bermula dari slot Women Contributions To Society dan slot kedua ialah slot Be Brilliant producer And Good Consumer. Slot yang seterusnya pula ialah slot Quranic Generic In IST Century.

Ia kemudian disusuli dengan slot keempat iaitu Incredible Women Inspire The World. Slot kelima ialah Enhance Your Beauty dan slot keenam adalah slot Are You Okay? manakala untuk slot yang terakhir ialah Empowering Women For A better Nation.

Selain itu, tujuan utama program itu diadakan adalah untuk memberi pendedahan serta pengetahuan yang menyeluruh berhubung dengan wanita secara berperingkat sama ada dari sudut kepimpinan, profesionalisme, ataupun dari sudut keusahawanan. Disamping itu, ia juga dapat mewujudkan golongan wanita yang hebat dalam mendidik institusi kekeluargaan dan masyarakat melalui aktiviti kemasyarakatan bertujuan untuk membentuk kepimpinan wanita yang berjaya dunia akhirat”, katanya.

Justeru, melalui program Anjuran oleh Majlis Perwakilan Pelajar(MPP) USIM, mereka mengambil inisiatif dan langkah dengan mengadakan satu kempen yang bertemakan kepentingan syariat dalam Islam.

“Melalui kempen 3s (Saya Sayang Syariat) semuanya berlangsung dengan jayanya, dan merupakan satu kempen yang mana bertujuan untuk mengajak mahasiswa USIM supaya memberi penekanan dari sudut yang berkaitan dengan aurat dan syariat bagi menghidupkan biah solehah terutamanya di dalam USIM mahupun di luar USIM,” katanya.

Puteri Nor’Ain Nasuha Muhamad berkata, konvensyen seumpama itu dilihat sebagai satu program yang sangat baik bagi semua siswi di seluruh IPTA dan kepada seluruh wanita di Malaysia yang menyaksikan siaran langsung tersebut.

Ini kerana hasil daripada program konvokesyen itu akan dapat memberi suatu pengetahuan yang sangat bermanfaat dan kefahaman yang sangat berguna berkenaan wanita dari pelbagai aspek pengetahuan sama ada dari sudut fiqh, ibadat, akhlak, keluarga dan juga syariah.

Katanya lagi, program yang berlangsung itu juga, diharapkan dapat berkesinambungan untuk tahun yang berikutnya kerana impak dan kesan melalui program ini memberi banyak manfaat dan memberi semangat kepada mahasiswi terus bangkit mengubah paradigma untuk membentuk kepimpinan wanita ke arah hala tuju yang lebih baik dari pelbagai aspek.

Beliau berkata, golongan wanita adalah madrasah ummat yang perlu dititikberatkan bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran mendatang.

